

Norazlina Abd Jalil

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Wednesday, 13 May, 2020 12:58 PM
To: norazlinaabdjalil@gmail.com
Subject: FW: Keyakinan Diri Menarik Aura Kerjaya Bersama Alumni Syafiq Adri Fitri Jamin

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 28 April 2020 13:57
To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>
Subject: Keyakinan Diri Menarik Aura Kerjaya Bersama Alumni Syafiq Adri Fitri Jamin




UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

28 APRIL 2020 / 5 RAMADAN 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Pusat Budaya dan Seni (PBS)

KEYAKINAN DIRI MENARIK AURA KERJAYA BERSAMA ALUMNI SYAFIQ ADRI FITRI JAMIN



UUM ONLINE: Walaupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan lagi sehingga 12 Mei depan, Pusat Budaya dan Seni (PBS) tidak pernah sunyi tanpa aktiviti bersama pelajar.

Pengarah PBS, Asmawiza Hussin berkata, pihaknya tetap mencari peluang dan ruang supaya dapat bersama dengan pelajar sepanjang tempoh pelaksanaan PKP, antaranya mengadakan program santai bersama alumni, Syafiq Adri Fitri Jamin menerusi Facebook rasmi PBS.

Menurutnya, aktiviti tersebut bertujuan agar pelajar yang bergelar alumni dapat memberikan motivasi serta pandangan mereka mengenai dunia pekerjaan.

“Perbincangan ini juga telah menarik ramai pelajar untuk bersama menimba ilmu walaupun hanya diadakan menerusi alam maya, malah mereka juga amat komited memberikan tumpuan sehingga program berakhir serta bertanyakan beberapa soalan yang penting.

“Pada sesi santai ini, Syafiq Adri telah memberikan beberapa pesanan yang penting terutamanya kepada pelajar yang bakal bergraduasi dan mencari pekerjaan, antaranya percaya kepada diri sendiri, sentiasa berusaha dan berpegang dengan ungkapan arab *'Man jadda wa jadda'* yang bermaksud siapa yang berusaha dia akan berjaya, cari peluang dalam diri untuk dikembangkan sehingga berjaya dan perlu sentiasa positif dalam pelbagai perkara,” katanya.

Asmawiza berkata, menerusi perbincangan itu pelajar dapat mengetahui bahawa kemahiran dan pengalaman sangat penting untuk memberikan keyakinan pada diri sewaktu mencari pekerjaan.

Syafiq Adri Fitri Jamin atau nama gelarnya Fiq merupakan salah seorang alumni PBS yang banyak memberi khidmat menerusi penglibatan dalam program yang diadakan oleh PBS sepanjang beliau berada di UUM.

Alumni jurusan pemasaran itu bergiat aktif dalam bidang nyanyian dan teater ketika bersama PBS. Kini, beliau berkhidmat sebagai Penerbit dari Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) di Jabatan Penyiaran Malaysia, Radio Televisyen Malaysia (RTM).



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.